

USLUB HAKIM DALAM HADIS NABI SAW SATU PENDEKATAN DAKWAH BERKESAN

Husni Bin Abdullah

Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email:
husni@kuis.edu.my

Abstrak

Uslub hakim merupakan suatu elemen penting yang terkandung dalam ilmu Retorik melalui kandungan ilmu Ma'ani. Penggunaan kaedah ini amat penting dalam komunikasi dua hala di antara penyampai dan penerima di mana penyampai dapat memahami kehendak golongan sasar. Metod seperti ini sering dipraktikkan oleh Nabi SAW dalam menyampaikan usaha dakwah baginda. Tidak semua manusia berkebolehan dalam perkara ini. Hanya mereka yang berwibawa dengan kecerdasan akal yang tinggi seperti Nabi SAW dapat mempraktikkannya. Oleh itu, kajian ini cuba mendalami maksud uslub hakim tersebut dari sudut ilmu retorik, kepentingannya serta justifikasi penggunaannya melalui enam buah hadis terpilih. Dalam mencari jawapan kepada persoalan tersebut kaedah analisis kandungan kualitatif digunakan agar dapatan kajian mencapai sasaran yang digariskan.

Kata kunci: *Uslub hakim, Ma'ani, retorik, justifikasi, dakwah*

(USLŪB AL-ḤAKĪM IN THE HADITH: AN EFFECTIVE APPROACH TO DAKWAH)

Abstract

The uslūb al-ḥakīm is an important element which contain in the Rhetoric of science through Ma'ani. The use of this method is very important in two-way communication between a transmitter and a receiver in which the presenter can understand the needs of the target groups. This method is often practiced by the Prophet Muhammad (pbuh) in delivering his mission. Surely, not all men are capable of this. Only those who are competent with a high intellect like the Prophet (pbuh) can put it into practice. Therefore, this study attempts to explore the meaning of uslūb al-ḥakīm in the science of rhetoric, significance and justification of its usage through six elected Hadiths.

Keywords: *Uslūb al-Ḥakīm, Ma'ānī, rhetoric, justification, dakwah*

1. Pendahuluan

Ilmu retorik atau balaghah merupakan suatu disiplin ilmu yang berlandaskan kepada kejernihan jiwa dan ketelitian menangkap keindahan dan kejelasan perbezaan yang samar di antara pelbagai *uslub* (ungkapan). Ilmu ini diperkenalkan untuk melihat sejauh mana perkataan atau ayat yang dilontarkan penuturnya terhasil maksudnya serta meninggalkan kesan yang mendalam, dengan mengambil kira keadaan semasa dan keupayaan kumpulan sasaran untuk memahaminya dengan wacana bahasa yang indah.

Atas dasar itu ilmu retorik dalam banyak keadaan perlu mengambil kira kepada lafaz dan maksud yang tersirat di sebalik lafaz tersebut. Dalam erti kata lain suatu teks tidak dianggap mengandungi elemen retorik selagi mana tiadanya nilai estetika dalam pembinaan ayat dan pemilihan patah perkataan yang bersesuaian. Pendeknya seorang penyampai yang mempunyai ciri-ciri seperti yang telah disebutkan tadi dikategorikan sebagai *eloquent*.

Salah satu cabang dari ilmu balaghah adalah ilmu *ma'ani* yang membahaskan bagaimana suatu idea atau buah fikiran dilontarkan dalam bentuk suatu ungkapan bahasa yang sesuai dengan konteks situasi dan kondisi pihak yang dimaksudkan (Abu Zayd, 1988). Objektif utama dalam ilmu *ma'ani* bertujuan membantu agar seseorang itu dapat berbicara sesuai dengan kemampuan golongan sasaran memahami kehendak dan maksud penuturnya.

Salah satu elemen terpenting dalam ilmu maani adalah *uslub hakim* yang kurang diberikan tumpuan khusus dalam kupasan ilmu balaghah. *Uslub hakim* atau gaya bahasa orang yang bijaksana berlaku di luar daripada pertimbangan normal, di mana soalan yang dilontarkan tidak diberikan jawapan yang bersesuaian dengan soalan tersebut dalam erti kata tidak semestinya setiap persoalan yang diajukan perlu dijawab. Adakalanya diam lebih baik daripada berbicara dan ada adakalanya mengalihkan persoalan tersebut ke arah jawapan lain yang lebih baik patut juga dilakukan.

2. Latar Belakang Kajian

Dalam konteks dakwah pada hari ini suatu persoalan yang penting sejauh mana mesej yang disampaikan itu sampai kepada golongan sasaran dengan jelas dan berkesan. Kesudahannya hati kumpulan sasaran dapat dijinakkan dan menerima mesej tersebut dengan begitu mudah. Dalam erti kata lain kemampuan seorang pendakwah memahami kehendak kumpulan sasaran dan penggunaan *uslub* dakwah yang berhemah merupakan faktor penentu dalam kejayaan dakwah tersebut.

Nabi Muhammad SAW merupakan ikon dakwah teragung yang dilahirkan sepanjang zaman. Hasil daripada *tarbiah rabbaniyah* membentuk karektor baginda SAW dalam menyampaikan mesej risalah yang amat menyentuh jiwa golongan sasaran. Melalui sabda

baginda SAW sahaja terserlah keindahan dan keistimewaan kalimat-kalimatnya, kemanisan lafaz-lafaznya serta kemampuan luar biasa baginda SAW dalam merungkaikan suatu maksud yang luas dalam beberapa kalimat sahaja melalui *Jawami' al-Kalim*.

Secara tidak langsung kemampuan baginda SAW menyampaikan mesej melalui kepelbagaian *uslub* berbahasa membuka minda para ulama semenjak dahulu kala untuk mengkaji balaghah hadis melalui kajian-kajian khusus mereka antaranya; al-Sharif al-Radiyy melalui *al-Majazat al-Nabawiyyah*, Dr Muhammad Saed Ramadhan al-butry dalam *Fi al-Hadith al-Sharif wa al-Balaghah al-Nabawiyyah* dan ramai lagi.

Hal ini membuktikan bahawa hadis Nabi SAW berada dalam pengkelasan tersendiri walaupun tidak setara dengan al-Quran al-Karim selaku mukjizat teragung. Hadis Nabi SAW mampu menggugat kemampuan masyarakat Arab yang sememangnya terkenal dengan kesusteraan yang hebat dalam bahasa mereka.

Menurut al-Jahiz (1999) "Pertuturan Nabi SAW dalam beberapa patah perkataan sahaja namun terkandung maksud yang amat luas kerana Allah SWT memberi jaminan di dalam al-Quran {Bukanlah aku dari orang-orang yang mengada-ngada}. Dengan demikian baginda mampu mengatasi orang yang lantang suaranya dan dalam maksudnya, menggunakan laras bahasa bersesuaian dengan setiap orang, tidak menggunakan bahasa yang agak asing dan tidak juga bahasa kesat. Pertuturannya penuh dengan hikmah dan terpelihara daripada sebarang keaiban".

Berasaskan kenyataan-kenyataan yang dikemukakan di atas kajian ringkas ini berusaha untuk menyingkap pendekatan *Uslub hakim* yang dikemukakan oleh Nabi SAW dalam beberapa hadis terpilih dengan memberikan analisa dan rumusan yang bersesuaian dalam konteks dakwah.

3. Objektif Kajian

Kajian ini umumnya bertujuan untuk melihat dan menilai dari dekat keindahan balaghah yang terkandung dalam hadis Nabi SAW sebagai sumber wahyu kedua setelah al-Quran al-Karim. Sekaligus dapat memberikan pedoman berguna kepada kepada generasi pendakwah sepanjang zaman dalam memahami konsep dakwah Nabi SAW. Secara khususnya pula, objektif kajian ini adalah untuk mengetahui dan memahami apa yang dimaksud dengan *Uslub hakim*, untuk mengetahui rahsia yang terkandung di sebalik ilmu balaghah secara umum dan *Uslub Hakim* secara khusus serta kaitannya dalam penyampaian berkesan serta untl menganalisis sejumlah hadis-hadis yang mengandungi *Uslub Hakim* dan memberikan komentar yang bersesuaian.

4. Kepentingan Kajian

Secara umumnya kepentingan dapatan kajian adalah berpotensi untuk membantu para pendakwah mendalami sastera Arab khususnya ilmu

balaghah dengan lebih baik dan mempratikkannya dalam kerja-kerja dakwah sebagai salah satu usaha memantapkan ilmu penyampaian berkesan. Pada masa yang sama hadis-hadis yang dikemukakan dapat menambahkan lagi sumber maklumat dan kefahaman secara mampan.

5. Definasi *Uslub Hakim* Dan Perinciannya

Uslub hakim terhasil daripada cantuman dua patah perkataan yang setiap satunya saling berkait antara satu sama lain. *Uslub* secara mudah difahami membawa maksud cara atau metode, namun jika difahami dengan lebih teliti *uslub* adalah berbeza maksudnya daripada metode, kerana *uslub* lebih menjurus kepada kebolehan dan kepandaian pemyampaian kepada sasaran melalui pengolahan bahasa.

Dari sudut bahasa *uslub* diertikan dengan jalan, arah tuju, aliran pemikiran dan berbagai bentuk kepandaian. Dikatakan "Sipulan telah menggunakan berbagai bentuk percakapan", bermaksud; beberapa gaya kebolehan serta kepandaian bercakap (al-Fairuzabadi,1987). Manakala dari segi istilah, para penulis telah menjuruskan pengertian *uslub* kepada penggunaan bahasa dalam berbagai gaya dan bentuk bagi memudahkan dan mendekatkan kefahaman yang hendak disampaikan kepada sasaran agar dapat difahami dan diterima dengan mudah.

Berdasarkan pengertian bahasa dan istilah tersebut dapat difahami bahawa *uslub* ialah suatu kepandaian dan kebolehan dalam mengolah dan menjelaskan sesuatu fikrah yang disampaikan kepada sasaran dengan matlamat ianya difahami dengan mudah dan diterima. Oleh itu dalam konteks dakwah *uslub* ialah kebijaksanaan mengolah dan membentangkan suatu mesej yang sesuai dengan keadaan sasaran dalam usaha menarik mereka menerima dan memahami mesej tersebut.

Perkataan *hakim* diambil daripada kata dasar *hakama* yang bererti orang yang mengetahui serta teliti dalam semua perkara. Daripada perkataan ini lahirnya juga hikmah yang pada asalnya membawa erti tali pengikat atau pengekang kuda yang digunakan masyarakat Arab bagi mencegah kuda tersebut berlari tanpa tujuan serta memudahkan penunggang mengendalikannya. Dengan itu, erti hakim ialah orang yang berkemampuan mencegah dari berlaku kerosakan kerana ketelitian yang ada padanya dalam membuat keputusan sehingga mencegahnya terkeluar dari apa yang dikehendaki (al-Qurtubi, 2006).

Berdasarkan berbagai pengertian yang diberikan ternyata pengertian yang paling hampir kepada hikmah ialah "teliti dan rapi hasil dari pengalaman", menepati kebenaran dari sudut ilmu dan amalan," "tepat dalam kata-kata dan perbuatan", "meletakkan segala sesuatu pada tempatnya" di mana semua sifat ini ada pada Nabi Muhammad SAW selaku pemegang obor hidayah dan pemimpin sekalian para pendakwah.

Menurut Habannakah (1996): "*Uslub hakim* bermaksud jawapan yang diberikan kepada pihak yang bertanya tidak seperti mana dengan soalan yang dilontarkan dengan gaya bahasa tertentu.

Tujuan utamanya untuk mengingatkan pihak yang bertanya bahawa keutamaannya pada jawapan yang diberikan. Dalam erti kata lain, soalan yang dilontarkan penanya tidak bersesuaian dengan keperluan dan kehendak penanya tersebut”.

Umumnya *Uslub Hakim* boleh dikategorikan dalam dua bahagian. Pertama: Dikemukakan dalam bentuk soal jawab seperti yang telah disebutkan tadi. Kedua: Dalam bentuk ungkapan biasa tanpa soal jawab di mana pihak penerima tidak menjangkakan ungkapan tersebut akan dilontarkan. Tujuan utama pihak penyampai untuk mengingatkan bahawa mesej tersebut merupakan keutamaan dalam suatu perbincangan atau perbincaraan.

Uslub hakim terkandung dalam kategori ilmu *ma'ani* kerana seorang penyampai perlu mempunyai daya pemikiran yang tajam dan daya penelitian yang tinggi agar ayat yang dilontarkan bersesuaian dengan kehendak golongan sasar. Oleh itu, kedudukan *uslub hakim* mendapat tempat yang tinggi di kalangan ahli balaghah di mana pihak penerima sepatutnya tidak berpuas hati dengan kenyataan yang dikemukakan kerana bukanlah perkara tersebut yang disoalkan. Namun dalam keadaan demikian, pihak penerima cukup berpuas hati walaupun jawapan yang diberikan tiada kaitan dengan yang disoalkan. (Habannakah, 1996)

Menurut al-Buti (2011) Dalam konteks balaghah hadis Nabi SAW secara umumnya *asalib balaghah* dan *uslub hakim* secara khusus kesemuanya terkandung di dalam patah-patah perkataan dan wacana hadis itu sendiri. Walaupun kekuatan balaghah dalam hadis tidak sekuat kandungannya di dalam al-Quran kerana al-Quran merupakan mukjizat unggul serta tiada bandingannya yang merupakan kalam Tuhan.

Wacana al-Quran al-Karim sudah pasti tidak akan berlakunya kesamaran dengan mana-mana wacana lain hatta hadis itu sendiri kerana kekuatan gaya bahasa al-Quran al-Karim diluar kemampuan akal manusia. Manakala wacana selain al-Quran hasil cetusan idea manusia yang sudah pastinya jauh sekali bezanya dengan wacana al-Quran al-Karim.

Nilai balaghah pada hadis Nabi SAW jika diteliti secara dekat terkandung dalam setiap patah perkataan yang terpacul dari mulut Nabi SAW kerana ungkapan baginda menggunakan bahasa yang indah, bersahaja bebas sebarang bentuk paksaan, ringkas penuh bermakna dan memberi kesan mendalam kepada golongan sasar.

6. Analisa Dan Dapatan

Berikut dikemukakan enam buah hadis Nabi SAW yang dipetik daripada sumber berwibawa serta terkandung di dalamnya elemen *uslub hakim* untuk diteliti secara dekat. Setiap daripada hadis tersebut diberikan ulasan bersesuaian dengan maksud dan tujuan secara rasional peri pentingnya *uslub hakim* dipraktikkan dalam hadis tersebut. Untuk tujuan analisis ini, pengkaji memilih sebanyak enam sampel daripada sejumlah hadis yang terkandung di dalam lima buah kitab utama hadis. Iaitu Sahih al-bukhari (2 hadis), Majma' al-Zawaid

(1 hadis), Sunan Abu Dawud (1 hadis), Musnad Ahmad (1 hadis) dan Sahih Ibn Hibban (1 hadis).

Hadis 1:¹

حدثنا محمد بن كثير أخبرنا سفيان عن معاوية بن إسحاق عن عائشة بنت طلحة عن عائشة أم المؤمنين رضي الله عنها قالت: استأذنت النبي صلى الله عليه وسلم في الجهاد فقال: "جهادكن الحج".

Terjemahan hadis:

Daripada Muhammad bin Kathir katanya Sufian menyampaikan kepada kami daripada Muawiyah bin Ishaq daripada A'ishah Ummu al-Mukminin RA katanya: "Aku pernah meminta izin kepada Nabi SAW untuk turut sama berjihad". Jawab Nabi SAW: "Jihad bagi kamu golongan wanita adalah melaksanakan haji".

Aishah dalam hadis di atas memohon keizinan untuk turut serta dalam jihad di mana jawapan yang dinantikannya adalah kebenaran daripada Nabi SAW. Jawapan yang diberikan kepadanya tidak seperti mana yang diharapkan, bahkan Nabi SAW mengalih jawapan tersebut kepada perkara yang lebih penting. Menurut Ibn Hajar (1986): "Ibn Battal menyatakan golongan wanita tidak diwajibkan untuk berjihad untuk mengelakkan daripada percampuran dan lebih sesuai dengan jiwa mereka berada dalam keadaan yang tidak terdedah". Oleh itu, maksud Nabi SAW dalam jawapan yang dikemukakan sekiranya percampuran dan terdedah kepada kalayak umum tak dapat dielakkan maka ibadat haji perlu diutamakan kerana ianya suatu kewajipan.

Hadis 2:²

عن عبد الرحمن بن الحارث بن أبي مرداس السلمي قال: كنا عند النبي صلى الله عليه وسلم فدها بطهور فغمس يده فتوضأ فتتبعناه فحسوناه فقال النبي صلى الله عليه وسلم: "ما حملكم على ما فعلتم؟" قلنا: حب الله ورسوله قال: "إن أحببتم أن يحبكم الله ورسوله فأدوا إذا أؤتمتم وادعوا إذا حدثتم وأحسنوا جوار من جاوركم".

Terjemahan hadis:

Daripada Abd al-Rahman bin al-Harith bin Abi Mirdas al-Sulami katanya: "Suatu ketika kami berada bersama dengan Nabi SAW lalu baginda minta didatangkan dengan sebekas air, setelah itu baginda memasukkan tangannya untuk berwuduk maka kami mengekori Nabi SAW sambil mengambil air yang menitis untuk diminum maka baginda SAW bersabda: "Apakah yang menyebabkan kamu semua berbuat begini?. Jawab kami: " Kerana kasihkan Allah dan pesuruhnya". Kata Nabi SAW: "Sekiranya kamu suka agar Allah dan

¹ Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab Jihad al-Nisa' (2875).

² Al-Haythami, Ali bin Abi Bakr, *Majma' al-Zawaid wa Manba' al-Fawaid*, Kitab Alamat al-Nubuwwah, 1994, Maktabah al-Maqdisi.

Rasulnya kasihkan kamu maka tunaikan amanah yang diberikan, benar dalam percakapan serta berbuat baik kepada jiran tetangga”.

Jawapan yang sepatutnya diberikan Nabi SAW sebagai menjawab pertanyaan mereka ialah hukum perbuatan minun air yang gugur daripada tempat wuduknya Nabi SAW. Sama ada jawapannya boleh ataupun tidak, namun Nabi SAW mengalihkan mereka kepada perkara yang lebih dekat untuk mendapatkan kecintaan Allah dan Rasulnya. Dalam erti kata lain, perbuatan para sahabat menjaga amanah yang diamanahkan dan bercakap benar sepatutnya menjadi keutamaan mereka daripada berebut-rebut mendapatkan lebih air wudu’ Nabi SAW.

Hadis 3:¹

حدثنا سليمان بن حرب حدثنا شعبة عن عمرو عن أبي وائل عن أبي موسى رضي الله عنه: قال جاء رجل إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقال الرجل يقاتل للمغنم والرجل يقاتل للذكر والرجل يقاتل ليرى مكانه فمن في سبيل الله؟. قال: "من قاتل لتكون كلمة الله هي العليا فهو في سبيل الله".

Terjemahan hadis:

Daripada Sulayman bin Harb katanya Shu’bah menyampaikan kepada kami daripada Amr daripada Abu Wail daripada Abu Musa RA dengan katanya: Seorang lelaki pernah datang menemui Nabi SAW seraya berkata: Ada seorang lelaki yang berjihad untuk mendapatkan harta rampasan, ada juga yang berjihad untuk menjadi sebutan orang dan ada juga yang berjihad untuk menunjuk kekuatan maka siapakah dikalangan mereka yang benar berjuang kerana Allah? Sabda Nabi SAW: “Barangsiapa yang berjihad untuk menegakkan agama Allah yang tinggi maka orang itu dianggap berjuang kerana Allah”.

Uslub hakim sabda Nabi SAW dalam hadis di atas terserlah di mana baginda memberi jawapan menjurus kepada watak pejuang yang hadir dalam peperangan bukan jenis-jenis jihad yang mempunyai tujuan tertentu. Seandainya semua jenis jihad dengan tujuan tertentu dikemukakan oleh para sahabat dijawab satu persatu dengan kenyataan tidak tergolong dalam jihad di jalan Allah bererti jenis-jenis jihad yang tidak dinyatakan seperti tadi dianggap sebagai jihad di jalan Allah. Maka dalam hadis ini terserlah kemuncak balaghah Nabi SAW dengan hanya beberapa patah perkataan mampu menjawab maksud sebenar jihad. Dalam erti kata lain, hanya jihad dengan tujuan menyeru kepada agama sahaja yang diterima oleh Allah SWT.

³ Sahih al- Bukhari, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab Man Qatala Li Takuna Kalimat Allah Hiya al-U’lya (2810).

Hadis 4:¹

حدثنا عبد الله بن مسلمة عن مالك عن صفوان بن سليم عن سعيد بن سلمة من آل ابن الأزرق أن المغيرة بن أبي بردة وهو من بني عبد الدار أخبره أنه سمع أبا هريرة يقول: سأل رجل النبي صلى الله عليه وسلم فقال يا رسول الله إنا نركب البحر ونحمل معنا القليل من الماء فإن توضعنا به عطشنا أفنتوضأ بماء البحر؟ فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "هو الطهور ماؤه الحل ميتته".

Terjemahan hadis:

Daripada Abdullah bin Maslamah daripada Malik bin Safwan bin Sulaim daripada Said bin Salamah keluarga Ibn al-Azraq bahawa al-Mughirah bin Abi Burdah daripada kalangan Bani Abd al-Dar menceritakan kepadanya bahawa beliau pernah mendengar Abu Hurairah berkata: Seorang lelaki pernah bertanya kepada Nabi SAW dengan katanya: Wahai Rasulullah sesungguhnya kami pernah berlayar di laut dengan hanya sedikit sahaja bekalan air yang kami bawa. Sekiranya mengambil wuduk daripada air tersebut kami akan kelaparan oleh itu, bolehkan kami mengambil wuduk dari air laut?. Sabda Nabi SAW: "Laut itu suci airnya dan halal bangkainya".

Sepatutnya dalam pertanyaan di atas Nabi SAW memberikan antara dua jawapan samada ya ataupun tidak, namun dengan mengalihkan jawapan tersebut kepada maksud lain menunjukkan bahawa *uslub hakim* dipraktikkan di sini. Sekiranya jawapan diberikan dengan kenyataan "ya" ianya bererti air laut hanya boleh digunakan ketika darurat sahaja ketika tiadanya air lain. Dalam keadaan demikian Nabi SAW memberikan penjelasan yang lebih patut diketahui umum bahawa air laut suci lagi menyucikan dan binatang yang hidup di dalamnya apabila mati boleh dimakan.

Hadis 5:²

عن ثوبان قال : لما نزلت : وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ، قال رسول الله - صلى الله عليه وسلم - " تبا للذهب والفضة " ، قالوا : يا رسول الله فأى المال نكنز ؟ قال : " قلبا شاكرا ، ولسانا ذاكرا ، وزوجة صالحة " .

Terjemahan hadis:

Daripada Thawban katanya: Ketika turun ayat ini "Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada

⁴ Sunan Abu Dawud, 1995, Kitab al-Taharah, Bab al- Wudu bi Ma al-Bahr (83) Dar al-Fikr.

⁵ Ahmad bin Hanbal, Musnad al-Imam Ahmad, 2008, Jilid 5/278, Dar al-Minhaj.

mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya” (Al-Taubah:34) Nabi SAW bersabda: “Binasalah orang yang menyimpan emas dan perak”. Maka kami pun berkata: Wahai Rasullah apakah jenis harta yang patut kami simpan?. Sabda Nabi SAW: Kamu hendaklah mempunyai hati yang sentiasa bersyukur, lidah yang sentiasa basah mengingati Allah dan isteri yang baik”.

Para sahabat bertanya berkaitan harta di mana jawapan sepatutnya Nabi SAW menamakan kepada mereka jenis-jenis harta yang lebih bernilai daripada emas dan perak. Namun jawapan yang diberikan kepada mereka tidak menjurus kepada soalan tersebut. Dengan mengalihkan mereka kepada jawapan seperti di atas Nabi SAW mengingatkan mereka tentang perkara yang lebih penting. Sepatutnya mereka bertanyakan Nabi SAW apakah aset yang bernilai patut mereka simpan sebagai bekalan untuk masa akan datang bukan dalam erti kata emas dan perak semata-mata. Oleh itu, *uslub hakim* dalam hadis ini memberikan mereka penjelasan berkaitan fiqh keutamaan yang perlu difahami dan dihayati dengan sebaiknya.

Hadis 6:¹

عن ابن عمر رضي الله عنه، قال : إن رجلا سأل النبي صلى الله عليه و سلم : أي البقاع شر؟ قال : لا أدري حتى أسأل جبريل !فسأل جبريل فقال : لا أدري حتى أسأل ميكائيل، فجاء فقال : "خير البقاع المساجد وشرها الأسواق".

Terjemahan hadis:

Daripada Ibn Umar RA katanya: Seorang lelaki pernah bertanya kepada Nabi SAW: Apakah tempat yang palik buruk? Jawab Nabi SAW: Aku tidak tahu sehingga aku bertanya kepada Jibril. Kemudian Nabi SAW bertanyakan hal demikian kepadanya, jawab Jibril aku pun tidak tahu sehingga aku bertanya Mikail. Setelah Mikail datang memberikan jawapan sabda Nabi SAW: “Sebaik-baik tempat adalah masjid dan seburuk-buruk tempat adalah pasar”.

Dalam jawapan yang dikemukakan Nabi SAW melalui pertanyaan diatas melakarkan *uslub Hakim* baginda di mana jawapan diberikan dengan sempurna beserta dengan tempat yang berlawanan dengannya. Ini bererti bahawa masjid sebaik-baik tempat untuk menjadikan manusia sentiasa berdampingan dengan Allah dan pasar akan mendedahkan manusia kepada perkara yang melalaikan sehingga jauh dari mengingati Allah. Secara tidak langsung jawapan Nabi SAW memberikan peringatan yang berguna kepada pihak yang bertanya agar sentiasa beringat.

⁶ Al-Khurasani, Muhammad bin Hibban, *Kitab al-Solat, Bab al-Masajid*, 2004, Dar al-Ma'rifah.

Kesimpulan

Sabda Nabi SAW sarat dengan nilai estetika dan etika yang mencerminkan bahawa baginda mendapat petunjuk dan bimbingan daripada Allah SWT bersesuaian dengan firman Allah yang bermaksud: “Dan dia tidak memperkatakan sesuatu menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya (al-Najm:3-4). Maka segala pertuturan baginda SAW penuh dengan mutiara hikmah, himpunan ilmu-pengetahuan, hakikat makrifat dan kesempurnaan serta keindahan budi luhur yang mengajak kepada kebaikan dan mencegah dari kemungkaran.

Hanya dengan mengkaji, mendalami dan memghayati setiap ungkapan yang keluar daripada mulut Nabi SAW secara teliti seseorang itu dapat melihat keistimewaan yang dianugerahkan Allah kepada baginda selaku pesuruhnya untuk umat manusia sekalian alam. Dalam konteks perbahasan *uslub hakim* yang dikemukakan di atas hanya sebahagian kecil dari lautan perbahasan ilmu balaghah yang dikemukakan oleh para ulama bahasa bertujuan membuktikan bahawa Nabi SAW seorang insan terpilih yang dilahirkan untuk menunjuk jalan kebenaran dengan bahasa yang mudah difahami oleh kaumnya.

Oleh kerana menyeru manusia merupakan tugas hakiki seorang Rasul, maka bentuk gaya penyampaian dakwah yang menjadikan dakwah disukai dan diterima dengan baik, menyenangkan tidak menyusahkan atau disebut hikmah dalam berbicara merupakan tunggak dalam penyampaian berkesan seperti yang terkandung dalam *uslub hakim*. Ianya bertepatan dengan firman Allah SWT Yang bermaksud: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk” (al-Nahl: 125).

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath. 1995. *Sunan Abu Dawud*. Damaskus: Dar Fikr.
- Abu Zayd, Karimah Mahmud. 1988. *Ilm al-Ma'ani: Dirasah wa Tahlil*. Kaherah: Maktabah Wahbah,
- Ahmad bin Hanbal. 2008. *Musnad al-Imam Ahmad*. Jil. 5. t.tp.: Dar al-Minhaj.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1987. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.

- al-Buti, Muhammad Said Ramadhan. 2011. *Fi al-Hadith al-Sharif wa al-Balaghah al-Nabawiyyah*. Damaskus: Dar al-Fikr.
- al-Fairuzabadi, Muhammad bin Ya'cob. 1987. *Qamus al-Muhit*. Beirut: Muassasah al-Risalat.
- al-Haythami, Ali bin Abi Bakr. 1994. *Majma' al-Zawaid wa Manba' al-Fawaid*. t.tp.: Maktabah al-Maqdisi.
- al-Jahiz, Amr bin Bahr. 1999. *al-Bayan wa al-Tabyin*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- al-Khurasani, Muhammad bin Hibban. 2004. *Sahih Ibn Hibban*. t.tp.: Dar al-Ma'rifah.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. 2006. *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Damaskus: Muassasah al-Risalah.
- Habannakah, Abdul Rahman. 1996. *al-Balaghah al-Arabiyyah*. Damaskus: Dar al-Qalam.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali. 1986. *Fath al-Bari Sharh Sohik al-Bukhari*. t.tp.: Dar al-Rayyan li al-Turath.

